



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Bahagian Keselamatan Kebakaran
d/ a Tingkat 2, Balai Bomba dan Penyelamat
Cyberjaya, Persiaran APEC
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

Telefon : 603-83185444
Facsimile : 603-83195244
Homepage : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-1/1/1(5)
(Our Ref)
Tarikh : 1 Julai 2011
(Date)

Seperti Senarai Edaran

Tuan,

Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2011; Garispanduan Pelaksanaan One Stop Centre (OSC) Online Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Bersama-sama ini disertakan salinan Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2011 untuk tujuan pelaksanaannya di negeri-negeri.

3. Arahan ini mula dikuatkuasa pada 1 Julai, 2011.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

s.k

YAS Ketua Pengarah JBPM

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Pembangunan
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Penyiasatan Kebakaran
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Penyelidikan dan Perancangan
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Udara
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Operasi Kebommbaan dan Penyelamat
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Pengurusan Korporat
YS Penolong Ketua Pengarah Bhg. Latihan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W. P. Putrajaya
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan
YS. Komandan, FRAM, Wakaf Tapai, Terengganu
YS. Komandan, FRAM, Kuala Kubu Bharu, Selangor
YS. Komandan, FRAM, Ipoh, Perak.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

ARAHAN KESELAMATAN KEBAKARAN BILANGAN 2 TAHUN 2011

GARISPANDUAN PELAKSANAAN *ONE STOP CENTRE (OSC) ONLINE* JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan salah satu agensi teknikal luaran bagi setiap Pusat Setempat (OSC) yang ditubuhkan pada 104 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negara yang telah mulai dilaksanakan pada tahun 2007.
- 1.2 Pelancaran OSC Online pada Januari 2011 merupakan satu lagi langkah kerajaan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pemantauan dan perjalanan OSC di pihak berkuasa tempatan.
- 1.3 Antara objektif utama OSC online ialah mempertingkatkan integriti dan ketelusan.

2. TUJUAN

Arahan Keselamatan Kebakaran ini disediakan bertujuan untuk:-

- 2.1 Menjadi garis panduan dan terma rujukan bagi pegawai-pegawai keselamatan kebakaran untuk memproses perakuan pelan teknikal bangunan secara atas talian di bawah sistem OSC Online.
- 2.2 Menyediakan ketetapan yang seragam dan penjelasan lebih berkesan kepada pegawai-pegawai berhubung prosedur dan proses kerja memproses perakuan pelan teknikal bangunan secara atas talian di bawah sistem OSC Online.
- 2.3 Memberikan perkhidmatan yang lebih cepat dan bersistematik.

3. TAFSIRAN DAN RINGKASAN

“arkitek” bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai arkitek di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran arkitek, dan yang dibenarkan di bawah undang-undang itu menjalankan amalan dan urusan sebagai seorang arkitek;

“BKK” — Bahagian Keselamatan Kebakaran;

“CCC” — Certificate Of Completion and Compliance;

“Ibu Pejabat” bermakna Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia;

“JBPM” — Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;

“Jurutera” bermakna seseorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pendaftaran jurutera dan yang di bawah undang-undang itu dibenarkan menjalankan amalan atau urusan sebagai seorang jurutera profesional;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat yang dilantik menurut subseksyen 3(2), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341);

“KCPKK” Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran;

“KSPKB” bermakna Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan di Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia;

“KZ” bermakna Ketua Zon bagi pentadbiran peringkat zon;

“KBKKZ” bermakna Ketua Bahagian Keselamatan Kebakaran Zon;

“Negeri” bermakna Ibu Pejabat, jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri-Negeri;

“orang yang berkeelayakan” adalah Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar dengan badan-badan yang berhubungan dengan pendaftarannya;

“orang yang mengemukakan” (SP — Submitting Person) adalah orang yang berkeelayakan dan mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan;

“orang utama yang mengemukakan” (PSP — Principal Submitting Person) adalah orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT. Ia termasuk orang yang berkeelayakan lain yang mengambilalih kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai PSP;

“OSC” One Stop Centre (Pusat Setempat)

“PBN” Pengarah Bomba Negeri

“PKPBKK” Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran

“PPNBKK” Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran

“Pelan Teknikal” bermakna pelan-pelan arkitektural, mekanikal, elektrik dan gas;

“PBT” bermakna Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah;

“TPBN” bermakna Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri-negeri;

“UUKBS” bermakna Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;

“Zon” bermakna pejabat zon yang ditetapkan secara pentadbiran oleh Pengarah Negeri untuk menjalankan urusan pemberian perakuan pelan dan pengeluaran sokongan CCC dengan ditentukan had dan bidang kuasa pemerosesan.

4. OSC ONLINE

- 4.1 OSC Online ialah merupakan salah satu inisiatif eKerajaan di mana data-data dan maklum balas digital untuk kegunaan harian.
- 4.2 Data-data dan maklumat-maklumat disepadukan untuk memudahkan penggunaan dan rujukan oleh agensi yang berkaitan.
- 4.3 OSC Online merupakan satu platform ePenyerahan dan ePemprosesan sepenuhnya menggunakan elektronik.
- 4.4 OSC Online ini memerlukan pemohon iaitu pihak *Principal Submitting Person* (PSP) atau *Submitting Person* (SP) mengemukakan cadangan pemajuan secara dalam talian terus kepada pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Proses ini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat.
- 4.5 Pegawai yang bertanggungjawab untuk melakukan semakan ke atas permohonan dan juga secara dalam talian dari mana-mana tempat.

5. OBJEKTIF OSC ONLINE

OSC online ini mempunyai objektif tersendiri untuk dicapai iaitu melibatkan perkara berikut:-

- 5.1 OSC Online adalah untuk menggantikan cara konvensional pengemukakan pelan yang tidak kemas kini (*outdated*) dan membebaskan (*bulky*) di mana salinan-salinan pelan dalam bentuk linen yang besar dan berat perlu dikemukakan kepada PBT.

- 5.2 OSC Online dapat memodenkan proses pengemukakan pelan menjadi lebih cepat, online, cekap dan boleh dilakukan pada bila-bila masa dan rekod-rekod pembangunan dapat disimpan secara lebih teratur.
- 5.3 OSC Online dapat mengelakkan pertemuan secara bersemuka di antara pihak yang mengemukakan dengan pegawai-pegawai PBT, justeru dapat mengurangkan karenah di kaunter perkhidmatan.

6. SUB-MODUL OSC ONLINE

6.1 ePermohonan

Merupakan satu landasan untuk para PSP membuat penyerahan kepada PBT untuk semua jenis permohonan cadangan pemajuan.

6.2 ePermintaan Perkhidmatan

Merupakan satu landasan untuk pelanggan mendapatkan nasihat berkaitan sesuatu kelulusan pelan dan sebagainya.

6.3 eRujukan

Merupakan satu landasan pelanggan mendapatkan segala jenis rujukan, panduan, manual, senarai semak dan keperluan undang-undang sebagai persediaan sesuatu permohonan.

6.4 ePanduan

Memberi maklumat kepada para pelanggan melalui sistem maklumat geografi mengenai kawasan yang akan dibangunkan.

6.5 ePertanyaan

Para pelanggan mendapatkan maklumat yang tepat mengenai status permohonan

6.6 eBayaran

Proses memantau bayaran secara elektronik.

6.7 eAduan

Aduan disalurkan secara teratur dan betul, dengan itu aduan dapat diambil tindakan dengan tepat.

6.8 ekad laporan

Menilai dan menaraf prestasi perkhidmatan-perkhidmatan OSC Online.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JBPM PADA OSC

Peranan dan tanggungjawab JBPM telah dinyatakan dengan jelas sepertimana menurut Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007.

8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JBPM PADA OSC ONLINE

8.1 Peranan dan tanggungjawab JBPM pada OSC Online adalah pada dasarnya sama seperti mana peranan kepada OSC. Perbezaannya ialah ianya dilaksanakan secara elektronik bagi tujuan semakan dan pengesahan dan berfungsi untuk tempoh 24 jam sepanjang tahun. Peranan dan prosedur kerja berkaitan OSC Online dinyatakan pada perenggan berkaitan di bawah.

8.2 Pelaksanaan OSC online ini perlu disokong oleh setiap pegawai jabatan ini yang terlibat secara langsung dalam menjalankan kerja-kerja memproses cadangan pemajuan. Ini bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya seperti mana yang ditetapkan.

9. AGENSI TEKNIKAL LUARAN DALAM TALIAN

9.1 JBPM merupakan salah satu agensi teknikal luaran dalam talian.

9.2 Merupakan satu landasan untuk agensi teknikal luaran menerima permohonan dan melakukan semakan terperinci untuk semua jenis permohonan berkenaan cadangan pemajuan dan khidmat nasihat.

9.3 Modul yang berkaitan agensi teknikal luaran ialah Modul ePemprosesan iaitu bagi tujuan memproses permohonan cadangan pemajuan.

9.4 ePemprosesan

Merupakan satu landasan 'back end', untuk agensi yang berkaitan memproses permohonan cadangan pemajuan dan para PSP termasuk penerimaan, semakan dokumentasi, semakan terperinci keperluan bagi semua jenis permohonan berkenaan cadangan pemajuan secara serentak atau berasingan.

10. TATACARA PEMROSESAN PERMOHONAN SECARA OSC ONLINE

10.1 Tatacara pemprosesan cadangan pemajuan seperti menurut Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan I Tahun 2007. Bagaimanapun perbezaan atas perkara-perkara berikut :-

10.1.1 Pemprosesan dilaksanakan secara dalam talian

10.1.2 Tiga (3) peringkat pemprosesan

- i. Checkpoint 1 (CP1)—penerimaan
- ii. Checkpoint 2 (CP2) — semakan
- iii. Checkpoint 3 (CP3) – pengesahan/ kelulusan

10.2 Kategori pemprosesan JBPM

Kategori pemprosesan dikuatkuasa melalui Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007 : Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (One Stop Center) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion & Compliance) Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, yang mana ianya adalah selari dengan Template Seragam Agensi Teknikal Luaran JBPM.

PERINGKAT PEMROSESAN			
KATEGORI PROJEK DIPROSES	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia (A)	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Negeri (B)	Pejabat Zon / Daerah Bomba Dan Penyelamat, (C)
	A(i). Sesuatu projek atau cadangan pembangunan yang diklasifikasi sebagai projek mega oleh Kerajaan Malaysia. A(ii). Sesuatu projek yang di dalamnya, atau direkabentuk mempunyai 3 kriteria berikut:- ▪ Keluasan binaan keseluruhan sesuatu premis (projek) itu 1 (satu) juta meter persegi atau lebih.; ▪ Ketinggian sesuatu premis (projek) itu 150 meter atau lebih.; ▪ Projek tersebut merupakan pembangunan bercampur (mixed development) dan mesti terdapat sekurang-kurangnya 3 jenis penggunaan yang berbeza (3 kumpulan maksud). A(iii). Projek yang melibatkan pemprosesan bahan-bahan bahaya.	B(i). Semua projek selain daripada di bawah kuasa Ibu Pejabat JBPM B(ii). Mana-mana projek yang ditentukan secara khusus oleh Jabatan B(iii). Mana-mana projek yang tiada kemampuan dilaksanakan di peringkat zon atau daerah.	C(i). Semua projek yang dikategori di bawah Jadual Kelima, Kumpulan Maksud 1, UKBS, 1984. C(ii). Rumah pangsa yang mempunyai ketinggian 5 tingkat dan kurang. C(iii). Pejabat atau rumah kedai 4 tingkat dan kurang serta tidak mempunyai sistem pemasangan tetap. C(iv). Kilang satu tingkat yang keluasan lantai tidak melebihi 750 meter persegi. C(v). Tempat perhimpunan yang tidak mempunyai sistem pemasangan tetap. C(vi). Mana-mana projek yang tidak disyaratkan mempunyai sistem pemasangan tetap.


10.3 Pemprosesan OSC Online beroperasi dalam tiga Check Point (CP) iaitu CP1, CP2 dan CP3. Ketiga-tiga CP ini boleh diwujudkan di peringkat zon, negeri dan ibu pejabat.

10.4 Tugas dan tanggungjawab pegawai yang dilantik bagi setiap checkpoint adalah seperti berikut :-

PERINGKAT	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
CP 1	Peringkat Penerimaan, Semakan dan Agihan	i. Sentiasa periksa e-mail / e-submission. ii. Setiap permohonan di semak kategori pemprosesan berdasarkan kepada Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007 iii. Pastikan submission di rekod secara berkomputer / manual. iv. Sekiranya pemprosesan di peringkat zon, CP1 Zon memaklumkan kepada CP2 Zon dan submission tersebut terus di hantar kepada pegawai bertugas checkpoint 2. v. Sekiranya kategori pemprosesan di peringkat negeri, CP1 Zon memaklumkan kepada CP1 Negeri vi. Sekiranya kategori pemprosesan di peringkat Ibu pejabat JBPM, CP1 Zon memaklumkan kepada CP1 HQ. vii. Menghubungi submitting person, jika perlu. viii. Memastikan laporan proses yang lengkap dan telah diluluskan oleh checkpoint 3 telah dihantar terus kepada urusetia OSC online.

PERINGKAT	PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB
CP 2	Peringkat Penilaian dan Ulasan	i. Sentiasa periksa e-mail / e-submission, iaitu penerimaan submission dari CP 1. ii. Proses submission dalam tempoh ditetapkan. iii. Membawa permohonan dan membentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan (JKP) iv. Selesai proses penilaian, hendaklah terus di rujuk kepada CP 3. v. Menghubungi submitting person jika perlu.
CP 3	Peringkat Pengesahan	i. Sentiasa periksa e-mail / e-submission yang di diterima oleh CP 1. ii. Memantau pegawai proses di CP2. iii. Periksa laporan proses kerja pegawai CP 2. iv. Meluluskan atau mengesahkan status kerja CP2. v. Memastikan urusan pengesahan selesai dan diterima oleh pelanggan / Urusetia OSC online dalam tempoh masa ditetapkan.

10.5 Carta Aliran Pemprosesan Pelan Teknikal OSC Online



10.6 Ringkasan Pemprosesan Pelan Teknikal OSC Online Mengikut Kategori Pemprosesan

KATEGORI PROJEK DIPROSES	PENETAPAN PEGAWAI PETUGAS CP1, CP2 dan CP3		
	Pejabat Zon / Daerah Bomba Dan Penyelamat,	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Negeri	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia
Kategori A	CP1	CP1	CP1 → CP2 → CP3
Kategori B	CP1	CP2 → CP3	
Kategori C	CP1 → CP2 → CP3		

11. PENENTUAN PEGAWAI-PEGAWAI CHECK POINT

11.1 Zon

- 11.1.1 CPI hendaklah merupakan ketua unit keselamatan kebakaran di zon
- 11.1.2 CP2 hendaklah pegawai-pegawai di unit keselamatan kebakaran zon yang menjalankan kerja-kerja semakan cadangan pempajuan.
- 11.1.3 CP3 hendaklah ketua zon

11.2 Negeri

- 11.2.1 CP1 hendaklah Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
- 11.2.2 CP2 hendaklah pegawai-pegawai di Bahagian Keselamatan Kebakaran negeri yang menjalankan kerja-kerja semakan cadangan pempajuan
- 11.2.3 CP3 hendaklah Pengarah atau Timbalan Pengarah Negeri

11.3 Ibu Pejabat JBPM

- 11.3.1 CP1 hendaklah Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran.
- 11.3.2 CP2 hendaklah pegawai-pegawai di Bahagian Keselamatan Kebakaran ibupejabat yang menjalankan kerja-kerja semakan cadangan pemajuan
- 11.3.3 CP3 hendaklah Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran atau Ketua Sekyen Perakuan Keselamatan Bangunan.

11.4 Ringkasan Penentuan Pegawai Pada Setiap CP

CP	PENETAPAN PEGAWAI DAN JAWATAN PEGAWAI PETUGAS CP1, CP2 dan CP3		
	Pejabat Zon / Daerah Bomba Dan Penyelamat,	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Negeri	Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia
CP 1	KBKKZ	PBNBKK	KCPKK
CP 2	Penolong Penguasa Bomba Gred KB 29/32/38	Penolong Penguasa Bomba Gred KB 29 dan ke atas	Penguasa Bomba Gred KB 41 dan ke atas
CP3	Ketua Zon	PBN / TPBN / PPNBKK	PKP BKK / KSPKB

- 11.5 Pelantikan pegawai untuk setiap CP pada semua peringkat pemprosesan adalah berdasarkan tugas dan bidang kuasa seseorang pegawai itu. Bagi peringkat zon dan negeri, lantikan hendaklah dibuat oleh Pengarah JBPM Negeri dan dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibupejabat.
- 11.6 Nama pegawai yang dilantik hendaklah dimaklumkan kepada PBT atau urusetia OSC berkenaan bagi mendapatkan *identification* (ID) dan kata laluan daripada pihak PBT.

11.7 Bilangan pegawai pada setiap check point boleh melebihi satu orang dan tiada had maksimanya.

11.8 Setiap pelantikan baru, pertukaran pegawai atau penambahan baru pada mana-mana check point perlulah dimaklumkan pada semua peringkat pemprosesan berserta dengan maklumat seperti akaun email dan sebagainya.

12. KEPERLUAN MENGEMUKAKN SALINAN *HARD COPY*

12.1 Jabatan telah menetapkan pihak PSP masih perlu mengemukakan *hard copy* pelan teknikal bagi setiap permohonan cadangan pemajuan yang dikemukakan secara online.

12.2 Pihak PSP perlu mengemukakan salinan *hard copy* dalam masa 3 hari selepas permohonan online di buat.

13. TEMPOH PEMROSESSAN PELAN TEKNIKAL SECARA OSC ONLINE

13.1 Tempoh pemprosesan pelan-pelan teknikal yang dikemukakan secara online ialah 7 hari kalendar

14. TATACARA PEMAKLUMAN EMAIL PENERIMAAN *SUBMISSION* DAN AKAUN EMAIL

14.1 Semua pemakluman antara setiap Check Point adalah menggunakan email.

14.2 Pemakluman antara Zon dengan Negeri dan Zon dengan Ibu Pejabat perlu juga menggunakan email

14.3 Setiap pegawai yang dilantik pada mana-mana check point hendaklah mempunyai akaun email

14.4 Setiap akaun email mana-mana pegawai di check point perlu di maklumkan pada semua peringkat pemprosesan.

14.5 Mana-mana pegawai yang telah dilantik pada mana-mana check point hendaklah sentiasa membuka dan menyemak akaun email.

15. KEPERLUAN-KEPERLUAN LOGISTIK

- 15.1. Bahagian Keselamatan Kebakaran di peringkat negeri dan zon perlulah dilengkapi dengan PC, *workstation* dan talian internet bagi setiap pegawai yang dilantik sebagai pegawai *Check Point*

16. REKOD DAN DOKUMEN

- 16.1 Semua dokumen berkaitan perlulah di simpan secara elektronik dan *hard copy*

17. LATIHAN

- 17.1 Latihan pemprosesan OSC online li disediakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan yang akan melaksanakannya.
- 17.2 Latihan ini akan dikendalikan oleh vendor yang dilantik oleh kerajaan.
- 17.3 Setiap pegawai yang dilantik pada mana-mana check point perlulah menghadiri latihan ini.

18. LAPORAN PELAKSANAAN OSC ONLINE

- 18.1 Laporan pelaksanaan OSC online perlulah dibuat oleh setiap zon yang melaksanakannya melalui Bahagian Keselamatan Kebakaran negeri.
- 18.2 Segala isu berkaitan OSC online seperti kesukaran memproses, dokumen yang tidak jelas dan sebagainya perlu dimaklumkan bagi mempertingkatkan keberkesanan sistem ini.

19. TARIKH BERKUATKUASA

- 19.1 Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2 Tahun 2011 ini berkuatkuasa mulai ianya ditandatangani.

20. PENUTUP

20.1 Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa. Adalah diharapkan dengan adanya Arahan ini aktiviti-aktiviti berkaitan OSC online dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' WAN MOHD NOR BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh : 1 Julai 2011

s.k

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

YS Penolong-Penolong Bahagian

YS Pengarah-Pengarah Bomba Negeri.